

KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN KERAJAAN



**PERATURAN INI TIDAK TERMASUK
PEMANDU-PEMANDU YANG BUKAN PEGAWAI
KERAJAAN SEPERTI DILANTIK SENDIRI
OLEH PEGAWAI YANG LAYAK MENERIMA
KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN SENDIRI**

JENIS-JENIS KEMALANGAN

- Kemalangan yang melibatkan kerosakan kenderaan kerajaan.
- Kemalangan yang melibatkan kerosakan kenderaan kerajaan dan kecederaan kepada pemandu kenderaan.
- Kemalangan yang melibatkan kecederaan kepada pemandu/penumpang pihak lain yang terlibat.
- Kemalangan yang melibatkan kedua-dua pihak pemandu/kenderaan kerajaan dan pemandu/kenderaan/harta milik pihak lain yang terlibat.

TINDAKAN PEMANDU:

- Membuat laporan ke Balai Polis yang berhampiran dalam masa **24 jam**.
- Membuat laporan lisan kepada Ketua Jabatan
- Mengisi Borang **362A** dan serah kepada Ketua Jabatan dalam masa **48 jam**.
- Jika pemandu tidak berdaya, menjadi tanggungjawab kakitangan Kerajaan yang bersama-sama menaiki kenderaan itu, atau yang terkanan di antara mereka, untuk mengambil tindakan di atas
- Jika pemandu dan penumpang itu meninggal dunia/tidak sedarkan diri, Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diberi Kuasa bertanggungjawab melaporkan kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam

Borang 362A:

Borang Am 362A

BORANG LAPORAN KEMALANGAN KENDERAAN MALAYSIA

PERLANGGARAN	Tarikh:	Waktu:	Tempat:
Nombor Aduan Polis	Nama Pemandu Kenderaan Kerajaan		
Balai Polis	No. K.P. No. dan Kelas Lesen Memandu		
	Kementerian Jabatan		
	Bahagian		
	Nama Kelindan No. K.P.		
<u>PEGAWAI PENYIASAT</u>	Kenderaan Kerajaan	Berlanggar Dengan*	
Nama:	Nombor Pendaftaran		
Nombor:	Nombor Pendaftaran		
Pangkat:	<input type="checkbox"/> Kereta <input type="checkbox"/> Lori <input type="checkbox"/> Bas <input type="checkbox"/> Van <input type="checkbox"/> Motosikal/Skuter <input type="checkbox"/> Basikal <input type="checkbox"/> Lain-lain	<input type="checkbox"/> Kereta <input type="checkbox"/> Lori <input type="checkbox"/> Bas <input type="checkbox"/> Van <input type="checkbox"/> Motosikal/Skuter <input type="checkbox"/> Basikal <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan Nama Kenderaan/Hartabenda)	
	<u>Kenderaan Digunakan</u> <input type="checkbox"/> Tugas Rasmi <input type="checkbox"/> Bukan Tugas Rasmi		
<u>CATATAN:</u> Sila pangkah kotak yang berkenaan. * Masukkan huruf K dalam kotak yang berkenaan sekiranya kenderaan Kerajaan			
<u>Pemandu Kenderaan Lain yang terlibat</u>	<u>Tuapunya Kenderaan Yang Terlibat</u>	<u>Saksi</u>	
Nama:	Nama:	(i) Nama:	
No. K.P.:	No. K.P.:	No. K.P.:	
Alamat:	Alamat:	Alamat:	
		(ii) Nama:	
		No. K.P.:	
		Alamat:	

M.S. 1/2

LAPORAN KEMALANGAN (SECARA RINGKAS)
(Laporan Kemalangan Dikepilkkan Berasingan)

Tandatangan Pemandu

Nama

Tarikh dan Masa Laporan

.....

M.S. 2/2

LARANGAN KEPADA PEMANDU DAN PENUMPANG:

Pemandu /penumpang kenderaan ditegah membuat atau menandatangani sebarang kepada mana-mana pihak kecuali:

- i. Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan.
- ii. Ketua Jabatannya.
- iii. Mahkamah.

TINDAKAN POLIS:

- Menerima laporan dan membuat siasatan.
- Memberitahu / Menghubungi pihak Jurutera Mekanikal JKR untuk merekod dan menilai kos kerosakan dengan mengepil **Borang 362B** bersama Borang **362A**.

TINDAKAN JURUTERA MEKANIKAL JKR

- Memeriksa dan menyediakan butiran-butiran laporan kerosakan dan anggaran kos pembaikan kenderaan yang terlibat.
- Menyerah **Borang 362B** yang telah ditanda tangan dengan anggaran kos pembaikan ke pihak Polis.

Borang 362B:

BORANG LAPORAN KEROSAKAN

Borang Am 362B

BAHAGIAN I

(Hendaklah diisi oleh pihak Polis:

- (a) Nombor Laporan Polis Trafik
- (b) Nombor Pendaftaran Kenderaan Kerajaan
- (c) Jenis Kenderaan
- (d) Berlanggar dengan
(Sebutkan nombor-bombor pendaftaran dan jenis kenderaan atau hartabenda atau harta lain yang terlibat)

Tarikh.....
Ketua Polis Balai

BAHAGIAN II

(Hendaklah diisi oleh pihak yang memeriksa kenderaan itu, iaitu):

- (i) Jurutera Mekanikal di mana-mana Jabatan Kerajaan atau Kementerian; atau
- (ii) Pihak lain yang difikuhkan layak:

(a) Haribulan memeriksa

(b) Perkara Kerosakan:

* (Sila catitkan sama ada kerosakan itu melibatkan kerja-kerja membaiki atau penggantian)

* Hendaklah di baki
RM

* Hendaklah diganti
RM

1.
2.
3.
4.
5.
6.
7.
9.
10.
11.
12.
13.
14.
15.

M.S. 1/2

Anggaran perbelanjaan memperbaiki/mengganti: RM.....

Runggit Malaysia

(iii) Harga kenderaan yang dinilai sebelum kemalangan.....

(iv) Harga kenderaan yang dinilai selepas diperbaiki: RM.....

(v) Syor.....

Tandatangan Pemeriksa

Tarikh.....

Nama:

Jawatan:

Jabatan/Kementerian:

BAHAGIAN III

(Untuk ulasan Ketua Jabatan berkenaan):

Ketua Jabatan Berkemaaan

Nota:

- (i) Borang ini hendaklah disediakan oleh pihak Polis dalam 4 salinan dan disampaikan kepada Jurutera Jentara dalam 3 salinan.
- (ii) Selepas pemeriksaan, Jurutera Mekanikal dikehendaki mengembalikan satu salinan kepada pihak Polis dan satu salinan kepada Jabatan yang punya kenderaan.

M.S. 2/2

TINDAKAN HOSPITAL

- Merawat kecederaan.
- Menyedia laporan pemeriksaan atas permintaan jabatan.

TINDAKAN KETUA JABATAN / PEGAWAI PENGAWAL/ PEJABAT PENGARAH:

- Mendapatkan laporan Polis
- Memastikan kenderaan yang rosak diperiksa dan mendapatkan nilai kos kerosakan akibat kemalangan tersebut daripada JKR (Laporan AM 362B).
- Mendapatkan laporan kecederaan/kematian yang dialami oleh mangsa kemalangan (jika ada)

TINDAKAN KETUA JABATAN / PEGAWAI PENGAWAL/ PEJABAT PENGARAH:

Menyampaikan maklumat seperti di bawah dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh berlakunya kemalangan kepada Pegawai Undang-undang Negeri/Jabatan/Kementerian yang bertanggungjawab bagi Jabatan tersebut atau jika tiada Pegawai Undang-undang yang berkenaan, kepada Ketua Bahagian Sivil, Jabatan Peguam Negara. (Pegawai Undang-undang atau Ketua Bahagian Sivil, Jabatan Peguam Negara disebut "Penasihat Undang-undang"):

- (a) Borang Laporan Kemalangan yang telah diisi;
- (b) Laporan Jurutera dan Borang Laporan Kerosakan Am 362B
- (c) Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan;
- (d) Laporan Polis; dan
- (e) Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan.

7. TINDAKAN KETUA JABATAN / PEGAWAI PENGAWAL/ PEJABAT PENGARAH:

Jika tidak dapat dikemukakan dokumen-dokumen seperti yang dikehendaki kepada Penasihat Undang undang dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh berlakunya kemalangan itu, keterangan mengenai kelewatan menghantar laporan kemalangan itu hendaklah dihantar kepada Penasihat Undang-undang oleh Ketua Jabatan pada atau sebelum hari ketiga puluh itu.

TINDAKAN KETUA JABATAN / PEGAWAI PENGAWAL/ PEJABAT PENGARAH:

- Jika ada sebarang tuntutan terhadap atau oleh Kerajaan, kebenaran polis hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembaikan kenderaan Kerajaan yang rosak itu dilaksanakan.
- Jika tiada tuntutan terhadap atau oleh Kerajaan, Ketua Jabatan bolehlah memperbaiki kenderaan Kerajaan yang rosak itu dengan segera tanpa mendapatkan kebenaran polis.
- Tindakan untuk menyelesaikan sesuatu tuntutan secara bersendirian oleh Jabatan adalah dilarang. Sebarang surat menyurat yang diterima daripada pihak-pihak yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Penasihat Undang undang menggunakan **Borang Am 95A**

Borang Am 95A

Borang Am 95A



(Am 95A – Pin. 1/89)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

Tuan/Puan

AKUAN PENERIMAAN

Dengan ini dimaklumkan surat tuan bertarikh.....
Telah diterima dan diambil perhatian.

Daripada:

M.S. 1/2

URUSAN SERI PADUKA BAGINDA

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Form 95A – PM6, K.L.

M.S. 2/2

TINDAKAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG:

Penasihat Undang-undang apabila menerima dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah:

- (i) Mengkaji kemungkinan Kerajaan membayar ganti rugi; dan
- (ii) Jika jumlah tuntutan ganti rugi bagi sesuatu kemalangan itu tidak melebihi RM200,000 termasuk kos, mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan tuntutan dan menghubungi Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atau Pegawai Kewangan Persekutuan bagi Sabah/Sarawak untuk urusan pembayaran.

TINDAKAN PEGUAM NEGARA:

Jabatan Peguam Negara hendaklah merundingkan dengan Perbendaharaan Malaysia (bagi Sabah dan Sarawak dengan Pegawai Kewangan Persekutuan) berhubung dengan tuntutan ganti rugi yang melebihi RM200,000 untuk menentukan tindakan yang sesuai

TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PEMANDU:

- Pemandu-pemandu Kerajaan tidak bertanggungjawab memperbaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan.
- pemandu-pemandu berkeenaan boleh didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalan raya. tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pemandu berkeenaan Jika keputusan Mahkamah berpendapat pemandu kerajaan bersalah atau cuai.